

19 DEC 1997

Annuar-Umno

KAEDAH KURANGKAN KETEGANGAN MEREbut JAWATAN DI PERINGKAT BAHAGIAN

KOTA BAHARU, 19 Dis (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Kelantan akan merangka kaedah yang sesuai untuk mengurangkan ketegangan dalam merebut jawatan di peringkat bahagian.

Timbalan Pengerusinya Datuk Annuar Musa berkata, kaedah itu akan memastikan proses pertandingan berjalan dengan lancar tanpa menjejaskan perpaduan dalam parti.

Badan perhubungan itu sedang menunggu tarikh yang sesuai daripada Pengerusinya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi mengadakan mesyuarat untuk membincangkan rangka kaedah berkenaan, katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Annuar yang juga Ketua Umno Bahagian Peringat berkata, buat masa ini semua pihak tidak perlu gelabah dalam perebutan jawatan itu kerana pertandingan di peringkat bahagian itu masih belum dipastikan.

"Setakat ini terdapat ura-ura mengatakan di beberapa bahagian termasuk Peringat, Pasir Puteh, Kuala Krai dan Jeli, telah ada mereka yang cuba menawarkan diri untuk mencabar pemimpin yang sedia ada", katanya.

Annuar berkata, badan perhubungan itu tidak dapat menghalang berlakunya pertandingan berkenaan kerana terdapat peraturan parti yang membenarkan sesiapa sahaja mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

"Yang paling penting kita duduk dan berbincang kerana mereka yang terlibat itu di kalangan pemimpin sendiri," katanya.

Annuar meminta anggota Umno Kelantan supaya jangan ghairah untuk bertanding dengan melampaui batas.

Katanya kalau proses itu berjalan dengan baik ia boleh membantu mengukuhkan kekuatan parti. -- Bernama

WM WAT